

BAB 4

ANALISIS KESILAPAN MORFOLOGI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JELUTONG

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong. Di sini pengkaji hanya menumpukan kesilapan dari aspek imbuhan dalam pembentukan kata. Namun pengkaji turut menyentuh hal yang berkaitan dengan kesilapan yang berkaitan dengan morfem bebas. Tambahan itu, pengkaji juga akan membincangkan punca-punca yang mengakibatkan hal yang sedemikian berlaku dan cara-cara yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini.

4.1 Jenis-Jenis Kesilapan Yang Dilakukan

Pada umumnya pencapaian pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong dalam peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mata pelajaran Bahasa Melayu adalah tidak memuaskan. Hasil daripada analisis pengkaji berdasarkan kertas jawapan esei mereka yang dikumpul dari guru mereka, pengkaji mendapati pelajar-pelajar ini adalah lemah dari aspek pembentukan kata.

Semasa pengkaji menganalisis kertas jawapan eseи itu, pengkaji mendapati terdapat banyak jenis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar ini. Antara jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar ini adalah seperti kesilapan penggunaan imbuhan, kesilapan ejaan bagi kata dasar (kesilapan morfem bebas), kesilapan kata penggunaan kata hubung, kesilapan penggunaan kata sendi dan kesilapan penggunaan kata ganda. Sebanyak 286 kesilapan yang dilakukan dalam 30 sampel eseи yang dianalisis oleh pengkaji. Hal ini dapat diperhatikan dalam Jadual 4.0 seperitmana yang ditunjukkan di bawah.

Jadual 4.0 : Jenis-Jenis Kesilapan Dan Jumlah Serta Peratusan Kekerapan Kesilapan Yang Dilakukan Oleh Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong

| Jenis Kesilapan | Jumlah | Peratusan (%) |
|-----------------|--------|---------------|
| Imbuhan | 106 | 37 |
| Ejaan | 24 | 8 |
| Kata hubung | 57 | 20 |
| Kata sendi | 79 | 28 |
| Kata ganda | 20 | 7 |
| Jumlah | 286 | 100 |

Berdasarkan jadual di atas pengkaji mendapati kesilapan imbuhan mencatat angka yang paling tinggi, iaitu sebanyak 106 kesilapan atau 37 %. Pendek katanya kesilapan penggunaan imbuhan merupakan masalah yang paling serius yang berlaku di kalangan pelajar sekolah ini. Ini diikuti pula oleh kesilapan dari aspek penggunaan kata sendi yang

mencatat sebanyak 79 kesilapan atau 28 %, kemudiannya diikuti pula oleh kesilapan penggunaan kata hubung yang mencatat sebanyak 57 kesilapan atau 20 %. Kesilapan ejaan dan kesilapan penggunaan kata ganda adalah yang terendah, iaitu masing-masing mempunyai sebanyak 24 kesilapan atau 8 % dan 20 kesilapan atau 7% bagi kesilapan penggunaan kata ganda.

Kesilapan penggunaan kata ganda adalah lebih pada penggunaan kata ganda penuh yang menandakan bilangan, dan penggandaan separa. Contohnya kata “mereka” yang telah menandakan satu bilangan yang besar tetapi kata itu digandakan seperti “mereka-mereka” oleh pelajar untuk menandakan bilangan yang besar. Begitu juga dengan kata “sesetengah” yang digunakan oleh para pelajar sebagai “setengah” pada aspek atau situasi yang tidak sesuai. Namun dalam eseи yang dikaji oleh pengkaji kesilapan penggunaan kata ganda berentak tidak berlaku.

Dalam kesilapan pengimbuhan, kesilapan penggunaan imbuhan apitan adalah yang paling kerap. Antara kesilapan apitan yang paling kerap ialah apitan ke-....-an, meN-...-kan, meN-...-i, pe-...-an dan mempeR-...-kan. Jenis-jenis kesilapan apitan yang paling kerap dilakukan oleh para pelajar sekolah ini adalah jenis apitan membentuk kata kerja, ini diikuti oleh kesilapan apitan dalam pembentukan kata nama dan seterusnya kesilapan penggunaan imbuhan apitan dalam pembentukan kata adjektif. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 4.1 yang dipaparkan di bawah.

Jadual 4.1: Kekerapan Kesilapan Pembentukan Kata Dalam Penggunaan Imbuhan Apitan Dalam Membentuk Kata Kerja

| Penggunaan imbuhan apitan yang sepatutnya | Penggunaan imbuhan apitan yang silap | Jumlah |
|---|---|------------------|
| Memasuki | Memasuk Memasukkan Memasukan Masukan | 8 5 3 2 |
| Menggalakkan | Mengalakkan Mengalakan Menggalakan | 10 7 5 |
| Menghidupkan | Menhidupkan | 3 |
| Mengehadkan | Menghadkan Menghad | 4 2 |
| Melawati | Merawati | 1 |
| Menjualkan | Menjual | 1 |
| Menghidapi | Dihidapi | 2 |
| Mempercepatkan | Memcepatakan Memcepat | 2 1 |
| Mengemaskan | Mengemas | 3 |
| Mencuci | Mencucikan | 1 |
| Menenangkan | Menenyangkan | 1 |

Jadual di atas jelas menunjukkan kesilapan dalam pembentukan kata kerja. Jenis kesilapan ini terdapat sebanyak 76 kesilapan atau 71% daripada keseluruhan jumlah kesilapan yang dilakukan dalam aspek pengimbuhan. Selain itu, jadual ini juga menunjukkan para pelajar kerap menggunakan imbuhan yang lain dalam menggantikan imbuhan yang sepatutnya digunakan untuk membentuk sesuatu kata kerja. Hal ini menunjukkan pelajar sekolah ini lemah atau masih tidak menguasai dalam aspek pembentukan kata.

Jadual 4.1 juga menunjukkan para pelajar lebih kerap melakukan kesilapan dalam penggunaan imbuhan apitan meN-...-i, meN-...-kan. Didapati para pelajar sering kali membuat saling ganti antara imbuhan tersebut ketika membuat sesuatu kata pada aspek yang tertentu. Perkara ini berlaku kerana para pelajar mengalami kekeliruan ekoran mereka tidak memahami fungsi penggunaan imbuhan apitan meN-...-i, dan meN-...-kan.

Contohnya pada aspek eseи yang dikaji oleh pengkaji perkataan yang sepatut dan bersesuaian dengan situasi yang ditulis dalam eseи tersebut ialah “memasuki” dan bukannya “memasukkan”, tetapi apa yang berlaku di sini ialah pelajar sekolah ini telah menggunakan kata memasukkan untuk menggantikan fungsi kata “memasuki” dalam eseи tersebut. Maksud bagi kata “memasuki” dengan maksud kata “memasukkan” sebenarnya berbeza walaupun membawa maksud yang hampir sama.

Menurut Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (1987) kata “memasukkan” sebenarnya membawa maksud membawa atau membiarkan sesuatu masuk , manakala kata “memasuki” membawa maksud masuk ke dalam sesuatu. Jadi kekeliruan maksud antara dua kata yang sedemikian telah menyebabkan para pelajar membuat kesilapan ini.

Para pelajar turut menghadapi masalah penggunaan imbuhan apitan meng-...-kan. Di sini pelajar sekolah ini turut kerap melakukan kesilapan dalam aspek ini. Hal ini kerana mereka tidak sedar bahawa apabila imbuhan meng-...-kan diimbuhkan pada kata dasar yang bersuku kata satu, baik perkataan Melayu atau pun kata pinjaman, kecuali kata pinjaman yang bermula dengan gugusan konsonan akan menjadi menge-...-kan.

Contohnya adalah seperti berikut:

cat = mengecatkan

lap = mengelapkan

had = mengehadkan

sah = mengesahkan

kod = mengekodkan

kekecualian:

stor = menstorkan

brek = membrekkan

klip = mengklipkan

Jadual 4.1 juga menunjukkan pelajar sekolah ini juga meghadapi masalah dalam menggunakan imbuhan apitan meng-...-i dan di-...-i. Hal ini ekoran mereka tidak memahami fungsi imbuhan yang digunakan itu.

Contohnya boleh dilihat seperti berikut:

Ayat yang menggunakan kata yang silap:

Akhirnya mereka akan **dihadapi** sakit paru-paru.

Ayat yang menggunakan kata yang betul dan bersesuaian:

Akhirnya mereka akan **menghadapi** sakit paru-paru.

Bagi kesilapan dalam pembentukan kata nama, boleh dilihat seperti dalam jadual 4.2 yang terdapat di bawah.

Jadual 4.2: Kekerapan Kesilapan Dalam Penggunaan Imbuhan Apitan Dalam Membentuk Kata Nama

| Penggunaan imbuhan apitan yang sepatut | Penggunaan imbuhan apitan yang silap | Jumlah |
|--|--------------------------------------|--------|
| Pelancongan | Perlancongan | 14 |
| Pekerjaan | Bekerjaan | 1 |
| Pedalaman | Pendalaman | 1 |
| Kesayangan | Kesayang | 1 |
| Kemudahan | Kemudah | 1 |
| Pedoman | Pendoman | 1 |

Berdasarkan Jadual 4.2 maka kita dapat mengesahkan bahawa kesilapan bentuk ini melibatkan hal penggantian imbuhan lain dalam membentuk sesuatu kata nama. Namun imbuhan yang digunakan untuk menggantikan imbuhan lain dalam membentuk sesuatu kata nama itu didapati adalah tidak sesuai atau salah. Kesilapan membentuk kata nama dengan menggunakan imbuhan apitan ini mencatat sebanyak 19 kali kesilapan atau 17.9 % daripada jumlah kesilapan yang dilakukan dalam aspek pengimbuhan. Hal kesilapan ini berlaku turut disebabkan ketidakmahiran pelajar dalam aspek pembentukan kata.

Contohnya kesilapan penggunaan imbuhan apitan pe-...-an yang saling berganti dengan imbuhan apitan peN-..-an adalah ekoran kurang memahami fungsi imbuhan tersebut. Lantaran itu pelajar sekolah ini telah menggunakan imbuhan yang salah ketika menulis esinya yang dikaji oleh pengkaji. Kata “pedalaman” dan kata “pendalaman” mempunyai maksud yang berbeza.

Menurut Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (1987) kata “pedalaman” membawa maksud daerah yang jauh dari bandar, manakala kata “pendalaman” pula membawa maksud perbuatan mendalami atau mendalamkan. Oleh itu dalam eseи yang dikaji oleh pengkaji, pengkaji mendapati pelajar yang menulis eseи itu telah menggunakan imbuhan apitan yang salah dalam eseinya. Kata yang sepatutnya digunakan adalah “pedalaman” dan bukannya “pendalaman”.

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semasa menulis eseи adalah seperti ayat berikut. Di sini pelajar sekolah ini telah menyalahgunakan kata “pendalaman” untuk menggantikan kata “pedalaman”.

Contoh: Ayat yang menggunakan kata yang silap

Dalam perjalanan pulang bas yang aku naiki itu tiba-tiba rosak di kawasan pendalaman yang sunyi.

Contoh: Ayat yang menggunakan kata yang betul atau bersesuaian

Dalam perjalanan pulang, bas yang aku naiki itu tiba-tiba rosak di kawasan pedalaman yang sunyi.

Manakala kesilapan penggunaan imbuhan apitan dalam pembentukan kata adjektif hanyalah mencatat sebanyak 1 kesilapan, iaitu sebanyak 0.9 % daripada jumlah keseluruhan kesilapan yang dilakukan dalam aspek pengimbuhan. Jadi aspek kesilapan pembentukan kata adjektif ini adalah yang terendah berbanding dengan aspek pembentukan kata kerja dan kata nama.

Di samping itu, kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam pembentukan kata turut dapat dikesan dalam contoh eseai yang dikumpul oleh pengkaji. Antara kesilapan awalan yang kerap dilakukan oleh pelajar sekolah ini adalah imbuhan awalan meN-, beR- dan teR-. Hal ini dapat dikesan dalam Jadual 4.3 yang dipaparkan di bawah.

Jadual 4.3: Kekerapan Kesilapan Pembentukan Kata Dalam Penggunaan Imbuhan Awalan

| Penggunaan imbuhan awalan yang sepatut | Penggunaan imbuhan awalan yang silap | Jumlah |
|--|--------------------------------------|--------|
| Berasa | Terasa | 1 |
| Memegang | Memengang | 1 |
| Memakai | Berpakai | 1 |
| Membantu | Memantu | 1 |
| Terkena | Terena | 1 |
| Bergantung | Mengantung | 1 |

(Sambungan)

| | | |
|-------------|-------------|---|
| Bekerjasama | Bekerjasama | 1 |
| Memindah | Mempindah | 1 |

Berdasarkan jadual ini hanya sebanyak 8 kesilapan atau 7.5% kesilapan daripada jumlah keseluruhan kesilapan yang dilakukan dalam aspek pengimbuhan. Hal ini berlaku kerana pelajar sekolah ini tidak memahami peraturan pembentukan kata seperti Hukum Morfonem dan Peraturan PTKS sepertimana yang dinyatakan oleh Nik Safiah Karim dalam bukunya yang bertajuk Tatabahasa Dewan.

Hukum Morfonem menentukan bentuk mana yang digunakan apabila awalan-awalan peN-, meN-, beR-, dan teR- ini bergabung dengan kata dasar. Bentuk awalan-awalan ini mempunyai lebih daripada satu bentuk. Bentuk awalan peN- boleh direalisasikan sebagai pe-, pem-, pen-, peng-, dan penge-.

Manakala bentuk awalan meN- pula, boleh direalisasikan kepada me-, mem-, men-, meng- dan menge-. Seterusnya, bentuk awalan beR- boleh direalisasikan sebagai ber-, be- dan bagi bentuk awalan teR- pula, mempunyai bentuk ter- dan te-. Menurut hukum ini, imbuhan pe- dan me- digunakan apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf [m, n ,ny, r, l, dan w].

Contoh

MeN- + masak = memasak

PeN- + lari = pelari

Imbuhan pen-dan men- digunakan apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf [d, c, j, sy, z], perkataan pinjaman dengan [t, s], dan gugus konsonan.

Contoh

mendandan pendapat mencatat penjelas
pentadbir menswastakan pensyarah

Kekecualian

meN- + tertawakan = mentertawakan

Imbuhan pem- dan mem- pula, apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf b dan kata pinjaman yang bermula dengan huruf [f, p, v] serta gugus konsonan.

Contoh:

meN- + beli = membeli
peN- + proses = pemproses
meN- + veto = memveto

Namun terdapat kekecualian yang tertentu. Kekecualian ini boleh dilihat pada contoh dibawah.

Contoh:

meN- + pelopor = mempelopor
meN- + punyai = mempunyai

Tambahan pula bagi imbuhan peng- dan meng- digunakan apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf [g, gh, kh, h], semua vokal dan kata pinjaman bermula dengan huruf [k, kl, dan kr].

Contoh:

| | | | |
|--------------------|-----------|---------------|-------------|
| Pengkhayal | menggaduh | mengghaibkan | menggosok |
| mengharung | mengukur | mengkreditkan | mengkatalog |
| mengklasifikasikan | | | |

Kekecualian

Kaji- pengkaji/mengaji

Lawan

Pengaji/ mengkaji

Di samping itu, bagi kata dasar yang bermula dengan huruf [p, t, k, dan s], wujud pula peraturan [p t k s], iaitu huruf pertama kata dasar luluh dan digantikan dengan bentuk sengau yang dilafazkan pada tempat yang sama daerah artikulasinya dengan bunyi pertama dalam kata dasar.

Contoh

meN- + pilih = me- + milih = memilih

peN- + sapu = pe- + nyapu = penyapu

Oleh itu, tidak hairanlah pelajar sekolah ini akan melakukan kesilapan ketika membentuk kata.

Bagi kesilapan penggunaan imbuhan akhiran pula, hal ini boleh dilihat dalam Jadual 4.4 yang ditunjukkan seperti berikut.

Jadual 4.4: Kekerapan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Akhiran Dalam Pembentukan Kata

| Penggunaan imbuhan akhiran yang sepatut | Penggunaan imbuhan akhiran yang silap | Jumlah |
|---|---------------------------------------|--------|
| Renungan | Renungkan | 1 |
| Dalaman | Mendalam | 1 |
| Makanan | Makan | 1 |

Jadual di atas menunjukkan hanya terdapat 3 kesilapan yang dilakukan oleh pelajar sekolah ini, iaitu hanya sebanyak 2.8 % daripada jumlah keseluruhan kesilapan yang dilakukan dalam aspek pengimbuhan. Di samping itu, jadual ini turut menunjukkan pelajar sekolah ini melakukan kesilapan ini ekoran ketinggalan menggunakan sesuatu imbuhan akhiran dan mengantikan imbuhan lain dalam membentuk sesuatu kata. Jadi hal ini menunjukkan pelajar sekolah ini lemah dalam asas pembelajaran bahasa Melayu.

Namun kesilapan imbuhan sisipan tidak berlaku dalam contoh eseai yang dikumpul oleh pengkaji. Keadaan ini adalah ekoran tidak wujudnya perkataan yang menggunakan imbuhan sisipan ini dalam contoh eseai yang dikaji oleh pengkaji.

Seterusnya pengkaji akan menganalisis aspek kesilapan morfem terikat dan morfem bebas yang dilakukan oleh sample pengkaji berdasarkan jantina mereka. Hasil daripada dapatan kajian, pengkaji mendapati sebanyak 130 kesilapan dalam morfem terikat dan morfem bebas dilakukan oleh 30 orang sample pelajar yang dikaji oleh pengkaji berdasarkan contoh eseai peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia yang diduduki oleh mereka. Jadual 4.5 dan jadual 4.6 dapat menunjukkan hal yang demikian.

Jadual 4.5: Jumlah Dan Peratusan Kesilapan Morfem Terikat Berdasarkan Jantina Pelajar

| Kesilapan morfem terikat | Jantina sampel | | Jumlah | Peratusan (%) |
|-----------------------------|----------------|-----------|--------|------------------|
| | Lelaki | Perempuan | | |
| meN- | 2 | 3 | 5 | 4.72 |
| beR- | 1 | 2 | 3 | 2.83 |
| teR- | 1 | — | 1 | 0.94 |
| ke...-an | — | 2 | 2 | 1.89 |
| meN-...-kan | 32 | 13 | 45 | 42.45 |
| me...-i | 10 | 17 | 27 | 25.47 |

(Sambungan)

| | | | | |
|----------------|----|----|-----|-------|
| pe-...-an | 10 | 7 | 17 | 16.04 |
| mempeR-...-kan | 2 | 1 | 3 | 2.83 |
| -an | - | 3 | 3 | 2.83 |
| Jumlah | 58 | 48 | 106 | 100 |

Jadual ini menunjukkan bahawa jumlah kekerapan kesilapan penggunaan morfem terikat lebih banyak dilakukan oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Jumlah kesilapan morfem terikat yang dilakukan oleh pelajar lelaki adalah senayak 58 kesilapan iaitu sebanyak 54.72%. manakala pelajar perempuan hanya melakukan sebanyak 48 kesilapan atau 45.28% daripada jumlah keseluruhan.

Mereka banyak melakukan kesilapan dalam penggunaan imbuhan apitan berbanding dengan jenis imbuhan yang lain, iaitu imbuhan awalan dan imbuhan akhiran. Kesilapan penggunaan imbuhan apitan adalah sebanyak 94 kesilapan atau 88.68% yang dilakukan oleh kedua-dua jantina ini, manakala kesilapan penggunaan imbuhan awalan adalah sebanyak 9 kesilapan atau 8.49% dan hanya 3 kesilapan atau 2.83% berlaku dalam penggunaan imbuhan akhiran. Keadaan ini menunjukkan pelajar sekolah ini amat lemah dalam penggunaan imbuhan apitan.

Jadual 4.5 ini juga menunjukkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong lebih banyak melakukan kesilapan dalam penggunaan imbuhan apitan meN-...-kan, iaitu

sebanyak 45 kesilapan atau 42.45%, ini diikuti oleh penggunaan imbuhan apitan me-...-i, iaitu sebanyak 27 kesilapan atau 25.47% dan imbuhan apitan pe-...-an adalah sebanyak 17 kesilapan atau 16%.

Bagi imbuhan apitan ke-...-an dan mempeR-...-kan adalah kesilapan paling kurang dilakukan oleh pelajar sekolah ini dalam kategorinya , iaitu masing-masing hanya mencatat sebanyak 2 kesilapan atau 1.89% dan 3 kesilapan atau 2.83%. Secara keseluruhan penggunaan imbuhan awalan teR- adalah yang paling kurang dilakukan, iaitu hanya sebanyak 1 kesilapan atau 0.94% daripada jumlah keseluruhan kesilapan imbuhan yang dilakukan.

Bagi analisis morfem bebas pula, pengkaji mendapati hanya 24 kesilapan yang dilakukan oleh pelajar sekolah ini. Jadi hal ini dapat dilihat dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Jumlah Dan Peratusan Kesilapan Morfem Bebas Berdasarkan Jantina Pelajar

| Morfem bebas yang sepatut | Morfem bebas yang silap | Jantina sampel | | Jumlah | Peratusan (%) |
|---------------------------|-------------------------|----------------|-----------|--------|---------------|
| | | Lelaki | Perempuan | | |
| penuh | penut | - | 1 | 1 | 4.17 |
| derma | demar | - | 1 | 1 | 4.17 |
| surut | susut | - | 1 | 1 | 4.17 |
| lapor | lapa | - | 1 | 1 | 4.17 |

(Sambungan)

| | | | | | |
|-------------|--------------|----|----|----|------|
| rintik | rintih | 1 | - | 1 | 4.17 |
| telah | terlah | - | 1 | 1 | 4.17 |
| pula | pua | - | 1 | 1 | 4.17 |
| malapetaka | malapertaka | - | 1 | 1 | 4.17 |
| rakyat | rayat | 1 | - | 1 | 4.17 |
| sedih | sedik | 1 | - | 1 | 4.17 |
| tiba | tipa | 1 | - | 1 | 4.17 |
| untuk | untut | 1 | - | 1 | 4.17 |
| Kelam-kabut | Kalang-kabut | 4 | - | 4 | 16.6 |
| enjin | injin | 1 | - | 1 | 4.17 |
| kemudian | kemudia | 1 | - | 1 | 4.17 |
| mencecah | mencecak | - | 1 | 1 | 4.17 |
| kampung | kampuk | - | 1 | 1 | 4.17 |
| jalan | jarran | 1 | - | 1 | 4.17 |
| gejala | gegala | 1 | - | 1 | 4.17 |
| siren | syren | 1 | - | 1 | 4.17 |
| kantin | kanti | - | 1 | 1 | 4.17 |
| Jumlah | | 14 | 10 | 24 | 100 |

Berdasarkan jadual di atas pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesilapan berbanding dengan pelajar perempuan. Dalam hal ini pelajar lelaki melakukan sebanyak 14 kesilapan atau 58.33% daripada jumlah kesilapan morfem bebas, manankala pelajar perempuan hanya melakukan sebanyak 10 kesilapan atau 41.67% daripada jumlah keseluruhan kesilapan morfem bebas. Keadaan ini menandakan pelajar sekolah ini adalah lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Seterusnya pengkaji akan menunjukkan kesilapan morfologi yang dilakukan oleh pelajar sekolah ini mengikut kaum. Sekolah ini mempunyai tiga jenis kaum yang utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Jadi dalam kajian pengkaji, tiga kaum utama ini diambil untuk dijadikan sampel kajian oleh pengkaji dalam menganalisis kesilapan morfologi yang dilakukan oleh pelajar di sekolah ini. Kesilapan yang dilakukan ini dapat dilihat dalam Jadual 4.7 seperti berikut.

Jadual 4.7: Jumlah Dan Peratusan Kesilapan Morfologi Yang Dilakukan Mengikut Kaum Pelajar

| Jenis kesilapan | Kaum sampel pelajar | | | Jumlah | Peratusan (%) |
|-----------------|---------------------|------|-------|--------|---------------|
| | Melayu | Cina | India | | |
| meN- | 1 | 2 | 2 | 5 | 3.85 |
| beR- | 1 | 1 | 1 | 3 | 2.31 |

(Sambungan)

| | | | | | |
|---------------|----|----|----|-----|-------|
| teR- | - | - | 1 | 1 | 0.77 |
| ke-...-an | - | 1 | 1 | 2 | 1.54 |
| meN...-kan | 13 | 9 | 23 | 45 | 34.62 |
| me-...-I | 5 | 10 | 12 | 27 | 20.76 |
| pe-...-an | 8 | 4 | 5 | 17 | 13.07 |
| mempeR...-kan | - | 3 | - | 3 | 2.31 |
| -an | 1 | 2 | - | 3 | 2.31 |
| Morfem bebas | 14 | 3 | 7 | 24 | 18.46 |
| Jumlah | 43 | 35 | 52 | 130 | 100 |

Jadual ini menunjukkan pelajar India paling banyak melakukan kesilapan morfologi.

Mereka melakukan sebanyak 52 kesilapan atau 40% daripada jumlah keseluruhan kesilapan morfologi yang dilakukan. Ini diikuti oleh pelajar Melayu yang melakukan sebanyak 43 kesilapan atau 33.08% daripada jumlah keseluruhan kesilapan morfologi yang dilakukan. Jadi pelajar Cina merupakan pelajar yang paling kurang melakukan kesilapan morfologi, iaitu hanya 35 kesilapan atau 26.92 % daripada jumlah keseluruhan kesilapan morfologi yang dilakukan.

Namun ini tidak bermakna pelajar Cina lebih mahir dalam aspek morfologi. Sungguhpun pelajar Cina mempunyai peratusan yang paling rendah berbanding dengan

pelajar dari kaum yang lain, akan tetapi peratusan kesilapan morfologi itu juga dianggap tinggi. Oleh itu mereka juga dikategorikan sebagai kumpulan pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kebanyakkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar sekolah ini adalah sumbangan dari penggunaan imbuhan apitan meN-...-kan, me-...-i, dan pe-...-an. Penggunaan imbuhan lain kurang menjadi masalah kepada mereka. Akan tetapi pelajar sekolah ini turut melakukan kesilapan dalam morfem bebas, iaitu kesilapan mengeja kata dasar dengan betul.

Dalam aspek ini pelajar Melayu merupakan pelajar yang paling banyak melakukannya berbanding dengan pelajar dari kaum yang lain seperti Cina dan India. Pelajar Melayu melakukan sebanyak 14 kesilapan yang diikuti oleh pelajar India yang melakukan sebanyak 7 kesilapan dan pelajar Cina hanya melaku sebanyak 3 kesilapan yang seterusnya menjadikan pelajar Cina sebagai pelajar yang paling kurang melakukan kesilapan dalam aspek morfem bebas.

4.2 Punca-Punca Yang Mengakibatkan Kesilapan Morfologi

Hasil yang diperolehi melalui temubual, soal selidik dan pemerhatian, pengkaji mendapati terdapat banyak punca yang menyumbangkan kepada masalah ini berlaku. Antara punca yang dapat dikesan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

a) pelajar tidak mempunyai asas yang kukuh

Perkara ini dikatakan sebagai salah satu punca yang utama yang menyumbangkan kepada masalah ini berlaku. Hasil daripada temu bual dan pemerhatian, pengkaji mendapati pelajar sekolah ini tidak mempunyai asas bahasa Melayu yang kukuh. Keadaan ini adalah akibat daripada mereka kurang berlatih dalam aspek morfologi. Contohnya guru mereka lebih memberi penekanan pada aspek penulisan esei.

Oleh yang demikian, maka mereka akan menghadapi kesulitan apabila hendak membentuk sesuatu perkataan. Selain itu, pengkaji juga mendapati pelajar sekolah ini tidak mahir dan janggal terhadap Hukum Morfonem dan Peraturan PTKS yang merupakan asas kepada pembentukan kata. Jadi memang tidak dapat dinafikan mereka akan menghadapi kesulitan dalam membentuk sesuatu kata. Oleh itu kesilapan morfologi kerap dilakukan oleh pelajar sekolah ini.

b) buku teks yang tidak sesuai

Pengkaji berkata demikian kerana pengkaji mendapati buku teks yang digunakan itu adalah terlalu umum dan tidak memberi penekan yang mendalam pada aspek morfologi. Oleh itu, para pelajar akan menghadapi kesulitan dalam mempelajari bahasa Melayu. Hal ini kerana aspek morfologi merupakan perkara yang paling asas yang seharusnya dikuasai oleh pelajar terlebih dahulu sebelum mengorak langkah ke peringkat yang lebih tinggi atau sukar.

Tanpa asas yang kukuh pelajar tidak akan mempelajari bahasa ini dengan baik, malah akan menyulitkan mereka ketika mempelajari bahasa tersebut. Dengan demikian maka tidak hairanlah pelajar sekolah ini lemah dalam aspek morfologi yang seterusnya menyebabkan mereka melakukan banyak kesilapan ketika menulis eseи.

c) pengaruh bahasa ibunda

Hasil dari analisis pengkaji melalui contoh eseи peperikasaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong, pengkaji mendapati kekerapan kesilapan morfologi yang dilakukan oleh pelajar sekolah ini turut disebabkan oleh faktor ini. Hal ini bukan sahaja dapat dikesan dari pelajar yang berbangsa bukan Melayu, malahan masalah ini juga wujud pada pelajar yang berbangsa Melayu.

Misalnya pelajar Melayu kerap dipengaruhi oleh dialek-dialek atau bahasa variasi mereka. Contohnya “kelam-kabut” dieja sebagai “kalang-kabut” dan perkataan “enjin” yang dieja sebagai “injin”. Hal ini juga dapat dikesan pada pelajar Cina yang mengeja perkataan “jalan” sebagai “jaran”. Pengejaan bunyi [l] kepada bunyi [r] adalah hasil dari pengaruh bahasa Cina. Kesemua ini adalah hasil pengaruh bahasa ibunda mereka.

d) pengaruh media massa

Pengkaji juga mendapati para pelajar lazimnya mudah terpengaruh dengan media massa yang menggunakan bahasa yang silap, iaitu tidak mengikut peraturan tatabahasa yang betul. Antara media massa yang mempengaruhi pelajar-pelajar adalah seperti komik, majalah hiburan dan iklan-iklan komersial yang dipaparkan di papan tanda. Bahasa-bahasa yang digunakan dalam media massa yang sedemikian memang tidak mengikut peraturan tatabahasa Melayu yang ditetapkan.

Lantaran itu, bahan-bahan bacaan dan iklan-iklan ini akan mengganggu pembelajaran pelajar dalam menguasai bahasa Melayu yang dipelajarinya di sekolah. Contohnya berita jam pukul lapan malam di NTV 7 yang bertarikh 25 haribulan Disember 2002 yang membincangkan isu Hari Natal yang disambut oleh penduduk Melaka yang berketurunan Portugis yang kemudiannya menyentuh hal hari Natal yang disambut di Malaysia ini turut menjadi satu tarikan pelancong ke Malaysia.

Ketika membincang isu tersebut, NTV 7 telah menggunakan perkataan pelancongan itu dengan silap. Di sini perkataan pelancongan itu dieja dengan “perlancongan” dipaparkan pada skrin yang terdapat dibelakangnya. Hal ini didapati akan mempengaruhi pembelajaran pelajar ke atas pembelajaran bahasa Melayu.

e) pelajar kurang berminat

Pengkaji juga mendapati pelajar sekolah ini juga kurang berminat dalam mempelajari bahasa Melayu. Perkara ini dikesan melalui borang soal-selidik yang diedarkan oleh pengkaji kepada sampel-sampel pengkaji. Kebanyakkan sample pengkaji lebih berminat dalam mempelajari matapelajaran bahasa Inggeris dan Matematik. Lantaran itu, tidak hairanlah faktor ini turut merupakan salah satu punca yang menyumbangkan kepada kesilapan berlaku ketika mempelajari bahasa Melayu.

f) sukatan pelajaran bahasa Melayu yang tidak sesuai

Pengkaji turut mendapati sukatan pelajaran bahasa Melayu yang tidak sesuai ini juga merupakan salah satu punca yang menyumbangkan kepada masalah ini. Sukatan pelajaran yang dipraktikkan itu adalah terlalu luas dan umum. Sukatan yang sedemikian telah menyukarkan guru bahasa Melayu dalam mengajar mata pelajaran tersebut. Hal ini kerana mereka terpaksa menghabiskan pengajaran pada masa yang terlalu singkat.

Lantaran itu, guru-guru bahasa Melayu ini tidak dapat memberi latihan yang cukup kepada pelajarnya ekoran terlalu menumpu perhatian mengejar masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran sebelum pelajarnya menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada akhir tahun. Oleh itu, guru tidak dapat memberi penekanan yang sepenuhnya pada semua aspek yang terdapat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

g) pelajar kurang memberi perhatian

Hasil pemerhatian pengkaji ketika kelas mata pelajaran Bahasa Melayu dijalankan, pengkaji mendapati pelajar-pelajar kurang memberi perhatian semasa guru mereka mengajar. Terdapat pelajar yang bercakap ketika pengajaran bahasa itu dijalankan. Terdapat juga pelajar yang bermain dengan alat penulisan mereka seperti memusing pensil. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar tersebut tidak dapat mengikuti kelas bahasa Melayu yang dijalankan itu. Oleh itu tidak hairanlah pelajar tersebut kerap melakukan kesilapan ketika menulis esei.

h) kecuaian

Kecuaian turut merupakan salah satu punca yang menyebabkan masalah ini berlaku. Hal ini kerana terdapat pelajar yang berasa panik ketika menduduki peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia. Jadi kesilapan yang dilakukan oleh mereka bukan disebabkan mereka tidak tahu tetapi disebabkan oleh kecuaian mereka. Hal ini memang tidak dapat dinafikan kerana ketika para pelajar menduduki peperiksaan, mereka hanya mempunyai masa yang terhad, iaitu tertakluk pada masa yang ditetapkan.

Contohnya mereka hanya diperuntukkan masa sebanyak satu setengah jam untuk menulis sebuah esei yang agak panjang. Jadi apabila mengejar masa maka kecuaian akan

berlaku. Akibat dari hal itu maka mereka akan melakukan kesilapan penggunaan imbuhan atau kesilapan mengeja sesuatu kata dasar.

4.3 Cara-Cara Mengatasi Masalah

Terdapat beberapa cara yang boleh digunakan untuk mengurangkan atau mengatasi masalah tersebut. Di sini pengkaji telah mencadangkan beberapa cara yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini. Berikutnya adalah langkah-langkahnya.

a) menanam minat pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu

Penanaman minat pelajar adalah penting dan merupakan asas untuk menggalakkan seseorang pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Usaha ini dapat dilakukan dengan cara menyedarkan para pelajar tentang kepentingan bahasa Melayu. Misalnya menyedarkan para pelajar bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa lingua franca di Benua Asia Tenggara. Bahasa ini digunakan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Tambahan itu, fungsinya sebagai bahasa lingua franca itu juga boleh dilihat dalam sejarah Malaysia.

Dengan usaha ini maka para pelajar akan dirangsangkan untuk mempelajari bahasa Melayu selain bahasa Inggeris yang dikatakan sebagai bahasa antarabangsa. Jadi dengan wujudnya minat terhadap bahasa Melayu maka mereka akan memberi tumpuan yang lebih banyak semasa mempelajari bahasa Melayu.

b) menggalakkan para pelajar membaca bahan-bahan bacaan yang menggunakan bahasa Melayu yang standard

Usaha ini dapat dilakukan oleh pihak sekolah dengan menggalakkan pelajarnya membeli majalah-majalah, novel-novel dan buku-buku yang diterbit oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tambahan itu, pihak sekolah juga boleh menggalakkan para pelajarnya membeli suratkhabar bahasa Melayu. Hal ini boleh dilakukan dengan cara memberi subsidi kepada pelajar mereka yang ingin membeli surat khabar bahasa Melayu.

Keadaan ini akan membantu pelajar sekolah ini memperluaskan pengetahuan mereka. Lebih-lebih lagi pelajar-pelajar ini turut berpeluang terdedah pada morfologi yang betul yang mana tidak terdapat dalam majalah hiburan dan komik. Jadi pembacaan bahan-bahan bacaan yang bermutu dan baik dapat membantu para pelajar dalam memperbaiki kelemahan mereka.

c) pemberian kelas pemulihan

Pemberian kelas pemulihan haruslah diberi kepada pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam kelas pemulihan ini guru-guru bahasa Melayu itu haruslah memberi penekanan yang lebih pada aspek morfologi. Hal ini amat penting kerana tanpa

asas yang kukuh dalam aspek morfologi maka sukar bagi seseorang pelajar itu menguasai bahasa yang dipelajarinya.

Misalnya para guru haruslah menerangkan apakah itu Hukum Morfonem dan Peraturan PTKS dengan jelas pada pelajarnya. Hal ini kerana kedua-dua aspek itu amat penting dalam proses pembentukan kata. Dengan berbuat demikian maka para guru dapat membantu pelajarnya dalam mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mudah.

Tambahan itu, semasa kelas pemulih dijalankan guru bahasa haruslah memberi pelbagai jenis latihan yang berkaitan dengan aspek pembentukan kata kepada pelajarnya. Misalnya guru bahasa boleh menyuruh pelajarnya tampil ke hadapan untuk membentuk kata pada kata dasar yang dituliskan olehnya di papan hitam.

Contohnya:

sakit = penyakit, menyakitkan, pesakit

main = pemain, bermain, mainan

dalam = mendalam, pedalaman, pendalaman, dalaman

Dengan usaha atau tindakan yang sedemikian maka para pelajar dapat mempelajari bahasa Melayu dengan lebih berkesan dan seterusnya dapat mengurangkan masalah mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu. hal ini kerana usaha tersebut dapat membantu pelajar memperkuatkan asas pembelajaran mereka.

Selain itu, dalam kelas pemulihan ini, guru bahasa juga harus mengajar pelajar mereka berkaitan dengan aspek fonologi. Hal ini kerana aspek fonologi turut memberi kesan dalam aspek pembentukan kata. Misalnya guru bahasa haruslah mengajar cara penghasilan bunyi konsonan dan vokal, iaitu daerah sebutan dan cara artikulasinya tersebut. Hal ini boleh dilakukan oleh guru bahasa melalui pemberi jadual cara dan daerah sebutan bagi penghasilan sesuatu bunyi.

Contoh:

peN-... + tahan = penahan

peN-... + pukul = pemukul

Hal ini berlaku akibat huruf pertama kata dasar luluh dan digantikan dengan bentuk sengau yang dilafazkan pada tempat yang sama daerah artikulasinya. Disini kata dasar yang bermula dengan [p] akan digantikan dengan [m], kata dasar yang bermula dengan huruf [t] akan digantikan oleh [n], kata dasar yang bermula dengan huruf [s] akan digantikan oleh [ny], dan kata dasar yang bermula dengan huruf [k] akan digantikan oleh [ng]. Dengan memahami hal yang sedemikian maka para pelajar dapat mempelajari pembentukan kata dengan lebih mudah dan berkesan.

d) menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti berbahasa

Usaha menggalakkan pelajar dalam melibatkan diri dalam aktiviti berbahasa ini dapat dilakukan oleh pihak sekolah melalui cara menghantar pelajar mereka untuk

mengambil bahagian dalam pertandingan perbahasan, syarahan, pertandingan menulis esei dan ceramah.

Usaha-usaha ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar mereka mempertingkatkan penguasaan mereka dalam bahasa Melayu terutamanya dalam aspek morfologi. Hal ini kerana dalam pertandingan yang sedemikian aspek-aspek morfologi dan struktur bahasa yang betul amat ditekankan. Jadi tidak hairanlah pertandingan yang sedemikian dapat membantu pelajar yang terlibat itu memperbaiki atau memajukan diri dalam aspek tersebut.

e) mewujudkan ujian bulanan

Guru-guru bahasa boleh mengadakan ujian bulanan setiap bulan untuk mengesan kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajarnya. Ujian bulanan ini haruslah diuji dalam bentuk subjektif. Di sini guru-guru bahasa boleh menyuruh pelajarnya menulis sebuah esei atau menguji pembentukan kata. Bagi hal pembentukan kata, guru bahasa boleh mewujudkan bahagian pengujian pembentukan kata dengan cara mewujudkan kata dasar yang kemudiannya menyuruh pelajar membentuk ayat dengan menggunakan imbuhan yang betul untuk kata dasar tersebut.

Contohnya:

Kata dasar “sapu”

Apabila membentu ayat akan menjadi seperti berikut:

Ahmad *menyapu* sampah di rumahnya.

Penyapu itu baru dibeli oleh encik Lim.

Usaha ini dapat membantu guru bahasa mengesan kelemahan pelajarnya dengan mudah dan seterusnya dapat mengatur strategi untuk menyelesaikan masalah atau kesulitan yang dihadapi oleh pelajarnya ketika mempelajari bahasa Melayu.

f) memastikan guru yang berkaliber sahaja diambil untuk mengajar mata pelajaran tersebut

Dengan wujudnya guru yang berkaliber barulah mata pelajaran bahasa Melayu itu dapat diajar dengan baik. Oleh itu, guru-guru yang diambil untuk mengajar mata pelajaran ini haruslah dilantik dari graduan-graduan lepasan universiti yang mengkhusus dalam bahasa Melayu.

Tambahan itu, guru ini juga haruslah dihantar untuk mengikuti program-program khas untuk mengajar mata pelajaran tersebut sebelum mula memberi pengajaran. Pemberian program-program ini adalah bertujuan untuk memastikan para guru tersebut melengkapkan diri sebelum keluar untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Keadaan ini akan membantu para pelajar mempelajari bahasa ini dengan lebih mudah dan berkesan.

Guru-guru yang berkaliber itu lazimnya lebih sensitif. Jadi segala kesilapan yang dilakukan oleh pelajarnya dapat dikesan dengan mudah dan dapat membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajarnya dengan segera. Pembetulan yang dilakukan itu lazimnya akan diikuti oleh penjelasan yang jelas, maka tidak hairanlah masalah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar itu dapat dikurangkan atau dihapuskan.

g) menyusun semula sukatan pelajaran yang tidak sesuai itu

Sukatan pelajaran yang luas dan umum itu haruslah disusun semula. Di sini pengkaji mencadangkan supaya pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia mengkaji semula sistem sukatan pelajarannya dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Pengkaji juga mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan seharusnya memberi penekanan yang lebih pada aspek morfologi.

Dalam hal ini Kementerian Pendidikan seharusnya menghasilkan sebuah buku teks yang mengandungi bab-bab yang menekankan aspek morfologi dengan lebih terperinci. Buku teks yang dihasilkan itu seharusnya mengandungi bab-bab yang menerangkan konsep Morfonem dengan teliti. Misalnya buku teks ini seharusnya menerangkan dengan jelas kenapa imbuhan awalan peN- akan menjadi pe- apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf m, n, ny, ng, r, l dan w.

Contohnya:

baca = pembaca

lari = pelari

rosak = perosak

nyanyi = penyanyi

ngiau = pengiau

waris = pewaris

tulis = penulis

Jadi buku teks yang dikeluarkan itu haruslah menjelaskan bahawa hal ini berlaku ekoran huruf pertama kata dasar luluh dan digantikan dengan bentuk sengau yang dilafazkan pada tempat yang sama daerah artikulasinya.

Usaha menerbitkan buku teks yang sedemikian rupa seharus dilakukan kerana buku teks ini dapat membantu para pelajar mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mudah dan berkesan. Tambahan itu aspek morfologi ini merupakan tiang bagi seseorang pelajar mempelajari bahasa Melayu dengan baik. Tanpa penguasaan aspek tersebut maka para pelajar akan menghadapi masalah dalam pembelajaran bahasa Melayu.

4.4 Kesimpulan

Secara umumnya pelajar sekolah ini mempunyai pencapaian yang kurang memuaskan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kebanyakkan daripada mereka banyak melakukan kesilapan dalam aspek pengimbuhan. Pengkaji mendapati faktor utama pelajar

Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong lemah dalam mata pelajaran bahasa Melayu iaiah mereka tidak mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa Melayu.

Boleh dikatakan kesemua pelajar sekolah ini tidak memahami atau berasa janggal terhadap Hukum Morfonem. Hal ini kerana apabila pengkaji menanya mereka apakah hukum yang harus diikuti ketika membentukan kata, tiada seorang pun yang dapat menjawab soalan pengkaji. Jadi tidak hairanlah para pelajar sekolah ini lemah dalam aspek pembentukan kata.

Namun punca kelemahan pelajar ini bukan sahaja disebabkan oleh diri pelajar sendiri, akan tetapi faktor lain turut merupakan punca yang menyumbangkan kepada masalah ini berlaku. Oleh itu, pihak kerajaan, sekolah dan ibubapa harulah mengambil tindakan yang secepat mungkin bagi mengurangkan atau mengatasi masalah ini sebelum terlambat.